



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
09 FEBRUARI 2018 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- Pelan Transformasi PBT diperkenal bulan ini babitkan enam prinsip 07

Utusan Malaysia

- Abai aspek keselamatan 26



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 09 FEBRUARI 2018 (JUMAAT)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Pelan Transformasi PBT diperkenal bulan ini babitkan enam prinsip
Muka Surat	07

Pelan Transformasi PBT diperkenal bulan ini babitkan enam prinsip

SA 9/2/18
MS 07

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memperkenalkan Pelan Transformasi pihak berkuasa tempatan (PBT) menjelang akhir bulan ini bagi meningkatkan lagi standard dan kualiti perkhidmatan pihak berkuasa tempatan di negara ini.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, pelan itu akan mengandungi enam prinsip iaitu pemerkasaan modal insan, penyampaian perkhidmatan cemerlang, pengukuhan kemampuan kewangan, kesejahteraan rakyat, penyertaan masyarakat dan komunikasi berkesan.

Katanya, oleh kerana pihak berkuasa tempatan memainkan peranan penting dalam mengurus

bandar raya dan kawasan bandar, maka orang ramai meletakkan harapan tinggi di bahunya.

"Di samping pelan transformasi, bagi memastikan mereka (pihak berkuasa tempatan) menyampaikan perkhidmatan seperti yang ditetapkan, kementerian saya juga melaksanakan Sistem Penarafan Bintang bagi Pihak Berkuasa Tempatan.

"Penarafan ini membuat penilaian kualiti perkhidmatan bandar yang disampaikan pihak berkuasa tempatan setiap dua tahun dan mereka perlu mencapai sekurang-kurangnya penarafan empat bintang," katanya semasa Sesi Rundingan Meja Bulat Menteri pada Forum Bandar Sedunia ke-9, semalam.

Pada 2016, Majlis Kebangsaan bagi Kerajaan Tempatan (yang tugasnya mengikut Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan adalah untuk menggubal suatu dasar negara bagi membangunkan, memajukan dan mengawal kerajaan tempatan di negara ini), telah meluluskan Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan.

Dalam ucapannya, Noh berkata, terdapat keperluan menangani isu pemuliharaan dan pembangunan semula bandar bagi menambah baik kualiti kehidupan penduduk bandar.

"Kementerian saya berusaha menubuhkan Perbadanan Pengurusan Awam Kebangsaan bagi tujuan mengurus dan

Bagi memastikan mereka menyampaikan perkhidmatan seperti yang ditetapkan, kementerian saya juga melaksanakan Sistem Penarafan Bintang bagi Pihak Berkuasa Tempatan."

- Noh

memelihara kualiti perumahan rakyat di samping meningkatkan kualiti kehidupan penduduk B40," katanya.

Noh juga menyatakan Malaysia akan terus meningkatkan kerjasama dengan semua negara anggota dan UN Habitat dalam usaha memajukan bandar raya yang sejahtera untuk didiami.

WUF9, yang bermula semalam dan berakhir pada 13 Februari ini

diadakan bagi kali kedua di Asia, membariskan lebih 500 acara, termasuk perhimpunan, rundingan meja bulat peringkat tinggi, dialog dan sesi khas.

Bertemakan 'Bandar Raya 2030, Bandar Raya Untuk Semua: Melaksanakan Agenda Baharu Bandar (NUA)', forum dihoskan Kuala Lumpur itu akan memberi fokus terhadap pelaksanaan NUA.

- Bernama



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 09 FEBRUARI 2018 (JUMAAT)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Abai aspek keselamatan
Muka Surat	26

REAKSI

KESELAMATAN DIUTAMAKAN

"PENGHADANG keselamatan yang dilina MPAJ tidak menyeluruh dan hanya dipasang di kawasan tertentu. Keadaan ini menimbulkan rasa kurang selesa kepada penduduk terlibat."

AB HAMID AYOUB, 53
Penduduk Taman Saga

"KAMI tidak menghalang sebarang projek pembangunan, tetapi pihak bertanggungjawab perlu lebih peka terhadap keselamatan dan nyawa penduduk berhampiran."

MOHD. NEEZAM ABDUL AZIZ, 35
Penduduk Taman Saga

"WALAUPIUN kawasan perumahan kami terletak jauh dari lokasi tanah runtuh, kejadian baru-baru ini tetap menimbulkan kebimbangan. Kesan runtuhian tebing jelas kelihatan dari jarak jauh."

HABIBAH HANIM ALIAS, 65
Penduduk Taman Melur

Penduduk Taman Saga gesa pemaju, MPAJ segera ambil tindakan

Abai aspek keselamatan



Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN,**
AMIRUL AIMAN ANUAR
 dan **NIK HAFIZUL BAHARUDDIN**
 kota@utusan.com.my

■ AMPANG JAYA 8 FEB.

PENDUDUK di Taman Saga di sini buntu dan masih trauma dengan kejadian tanah runtuh yang berlaku kira-kira tiga minggu lalu sehingga tidak tahu kepada siapa mahu mengemukakan aduan.

Penduduk mendakwa, ini kerana sepanjang kerja-kerja pemantauan di tapak runtuhian pihak bertanggungjawab mengabaikan aspek keselamatan.

Sebarang penghadang atau pita kuning tidak dipasang di kawasan runtuhian bagi tujuan keselamatan atau mengelakkan daripada diceroboh.

Keadaan itu membuatkan penduduk tidak lena tidur setiap kali cuaca hujan kerana bimbang keselamatan mereka.

Tinjauan *Skuad Terjah* ke lokasi hari ini mendapati dakwaan penduduk berasas apabila sebahagian runtuhian terbing berhadapan kawasan perumahan itu hanya dipasang kain rentang.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Saga, Abd. Razak Abd. Rahman berkata, kegagalan pemantauan serta kerja-kerja pengukuhan cerun bukit termasuk pembinaan blok konkrit oleh pihak bertanggungjawab

di Jalan Saga 28 di sini benar-benar menimbulkan rasa terkilan.

Beliau mendakwa, pemaju projek pembangunan Lebuhraya Sungai Besi - Ulu Kelang (Suke) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) seolah-olah lepas tangan dalam isu tersebut.

"Apa yang merunggihkan apabila cuaca buruk dan tidak menentu ketika ini memungkinan masalah dan keadaan menjadi bertambah teruk."

"Meskipun masih belum ada kemalangan jiwa berlaku, tetapi perkara ini perlu dipandang serius supaya kejadian sama tidak berulang," katanya kepada *Skuad Terjah* di sini.

Beliau berkata, takkan mahu lihat ada kes kematian berlaku baru tindakan diambil.

"Ketika itu, tindakan yang diambil juga tidak mendatangkan apa-apa kesan kepada penduduk."

Pada 23 Januari lalu, berlaku satu kejadian runtuhian bongkah batu besar dan banjir kilat yang menyebabkan beberapa rumah dan kenderaan penduduk di kawasan itu ditenggelami lumpur dan batu.

Dalam kejadian pukul 10.45 pagi itu, bongkah batu dari tapak projek yang terletak di atas bukit berkecenderungan jatuh secara mendadak ketika kerja pembinaan sedang dilakukan dari tapak projek Suke.

Bagaimanapun, kejadian itu tidak mendatangkan kecederaan atau kemalangan jiwa kepada pekerja mahupun penduduk sekitar kawasan berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Biro Perkhidmatan dan Aduan Awam Parti Gerakan, Ben Liew Pok Boon berkata, tindakan MPAJ melaksanakan kerja-kerja keselamatan seperti melepaskan ba-

tok di tangga sahaja kerana tidak bersungguh.

Katanya, pengabaian dari aspek keselamatan sebelah mendatangkan bencana lebih besar termasuk kehilangan nyawa.

"Pemantauan unit kecemasan 24 jam daripada pihak pemaju mahupun MPAJ juga diperlukan bagi mengelak kejadian 'air terjun berlumpur' kembali berulang menghantui penduduk di sini," katanya.



LOKASI CERUN BUKIT SAGA

